

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : JELAPANG PADI NEGERI SELANGOR

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan jumlah pengeluaran hasil padi?
- b) Apakah penyelesaian dan pelan Kerajaan bagi mengurangkan masalah penyakit padi?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha dan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan pengeluaran hasil padi seterusnya mempertingkatkan pendapatan dan sosioekonomi golongan pesawah padi di seluruh negara seperti berikut:
 - i) meningkatkan harga belian padi pada kadar RM1,200 per tan metrik mulai tahun 2014 bagi menggalakkan penghasilan padi yang tinggi sekaligus meningkatkan pendapatan dalam kalangan pesawah;
 - ii) penggunaan benih padi sah yang berkualiti di mana sebanyak RM75 juta diperuntukkan pada setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah yang boleh meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah;
 - iii) meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi dengan memanfaatkan peruntukan di bawah program mekanisasi dan automasi Kementerian sebanyak RM150 juta dalam peruntukan RMKe11;
 - iv) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di mana sebanyak RM1.395 billion diperuntukkan di bawah RMKe11 untuk meningkatkan produktiviti padi;

- v) meningkatkan kecekapan bantuan input bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi dengan melaksanakan program pemulihan tanah, penggunaan mikrob dan bahan organik, pencirian tanah (*soil profiling*) bertujuan mengenalpasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja;
- vi) membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus pengurusan lepas tuai bagi membantu pengurangan kehilangan lepas tuai yang seterusnya boleh meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan petani;
- vii) melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan bagi menghasilkan varieti baru yang dapat meningkatkan hasil dan rintang (tahan) kepada penyakit. Antara yang telah berjaya dilakukan adalah pengenalan varieti benih baru seperti MARDI Siraj 297, MR303, MR 307, UKM RC-2 dan UKM RC-8.
- viii) memperkasakan aktiviti pengembangan melalui penubuhan *Farmer Field School* (FFS) di bawah Jabatan Pertanian bagi meningkatkan kemahiran pesawah dalam aspek penanaman padi; dan
- ix) Memberikan tumpuan kepada dua belas (12) kawasan jelapang padi negara termasuklah IADA Barat Laut Selangor dengan menaiktaraf infrastruktur dan pengurusan tanaman padi yang lebih cekap.

Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan pesawah untuk melaksanakan penanaman bercampur (*mixed cropping*) dengan tanaman-tanaman lain yang bersesuaian bagi mempelbagaikan pendapatan pesawah.

- b) Antara pelan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan adalah dengan memperkenalkan varieti padi yang rintang kepada penyakit serta menjalankan kempen pemuliharaan kawalan semula jadi, kawalan menggunakan agen biologi dan amalan kultura yang baik.

Amalan agronomi juga dititikberatkan dan menggalakkan petani mematuhi jadual aktiviti tanaman padi berdasarkan Manual *Rice Check* yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian. Kesemua kaedah ini mestilah diamalkan secara bersepadu bukan setakat di peringkat individu malah di peringkat komuniti pesawah di sesebuah kawasan itu dengan kerjasama daripada agensi pengembangan dan institusi penyelidikan.

Bagi penyakit yang telah berlaku secara meluas di kawasan IADA Barat Laut Selangor baru-baru ini, antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- i. Satu Jawatankuasa Teknikal BPB telah ditubuhkan bagi memantau dan menyelaraskan tindakan-tindakan yang diambil bagi mengawal serangan BPB di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Jawatankuasa Task Force BPB juga telah ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan sebagai pusat pengumpulan maklumat, penyediaan prosedur, kaedah dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk dilaksanakan di peringkat negeri;
- ii. Kementerian telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pembendungan, Penghapusan dan Kawalan Penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) sebagai panduan dalam menguruskan serangan BPB. Jabatan dan Agensi yang berkaitan di bawah Kementerian telah dibekalkan dengan risalah berkaitan perkara ini sebagai panduan penerangan kepada petani dan juga kepada pihak yang berkenaan;
- iii. Bilik gerakan di setiap Negeri telah diaktifkan bagi memudahkan operasi penyelarasan, pengawalan, pengumpulan dan penyampaian maklumat serangan BPB. Pelbagai aktiviti latihan dan penerangan kepada stakeholders turut dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri melalui kempen, taklimat dan kursus;
- iv. Petani di kawasan terlibat telah diberikan Notis Kuarantin di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan dikehendaki memusnahkan sumber penyakit (padi batat, tunggul padi, jerami, rumpai) dalam kawasan serangan selepas penuaian hasil. Kaedah pemusnahan adalah dengan memotong rapat batang padi dan dibakar dengan sempurna dan terkawal mengikut garis panduan Jabatan Alam Sekitar. Padi dari kawasan serangan BPB hanya dibenarkan dituai untuk menjadi padi beras dan tidak boleh dijadikan sebagai sumber benih padi;
- v. Petani-petani juga telah dinasihatkan untuk mendapatkan benih padi sah daripada pengeluar-pengeluar yang telah dilantik oleh pihak Kementerian supaya benih padi yang digunakan adalah bebas daripada perosak dan penyakit. Kempen penggunaan benih padi sah, pengurusan perosak bersepadu, amalan pertanian baik, banciaan perosak tanaman padi dan aktiviti-aktiviti pengembangan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa;

- vi. Kementerian juga kini sedang menggubal Rang Undang-undang Kualiti Benih Tanaman sebagai punca kuasa dalam memastikan pengeluaran dan penjualan benih-benih tanaman di pasaran adalah berkualiti dan mencapai standard yang ditetapkan; dan
- vii. Kajian dan penyelidikan ke atas penghasilan varieti padi yang rintang penyakit sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan varieti padi yang dihasilkan mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap serangan perosak dan perubahan alam sekitar serta memberikan hasil yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : STATISTIK WANITA SELANGOR

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan jumlah Wanita yang duduk di Negeri Selangor? Sila senaraikan mengikut daerah.
- b) Berapa jumlah wanita yang duduk di kawasan perbandaran dan di luar bandar/desa?
- c) Berapa daripada jumlah wanita yang telah habiskan sekolah menengah berbanding dengan lelaki di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah wanita yang duduk di Negeri Selangor adalah seramai 3.05 juta (2017), 3.10 juta (2018) dan 3.15 juta (2019). Statistik penduduk wanita di Selangor mengikut DUN adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Unjuran Penduduk (Semakan Semula) mengikut daerah pentadbiran, 2017-2019

(000')

| Negeri/DP/Jantina | 2017 | 2018 | 2019 |
|--------------------------|-------------|-------------|-------------|
| PEREMPUAN | | | |
| Selangor | 3,051.8 | 3,102.4 | 3,151.6 |
| Gombak | 385.1 | 391.8 | 398.2 |
| Klang | 465.3 | 472.7 | 479.8 |
| Kuala Langat | 125.4 | 127.6 | 129.7 |

| | | | |
|-----------------------|---------|---------|---------|
| Kuala Selangor | 119.2 | 121.4 | 123.5 |
| Petaling | 1,025.1 | 1,041.6 | 1,057.7 |
| Sabak Bernam | 60.8 | 61.9 | 63.0 |
| Sepang | 114.6 | 116.6 | 118.6 |
| Ulu Langat | 644.5 | 655.1 | 665.4 |
| Ulu Selangor | 111.7 | 113.7 | 115.6 |

- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah wanita yang tinggal di kawasan bandar di Selangor adalah seramai 2.84 juta orang (2017), 2.89 juta orang (2018) dan 2.94 juta orang (2019). Bagi jumlah wanita yang tinggal di kawasan luar bandar adalah seramai 212.6 ribu orang (2017), 209.7 ribu orang (2018) dan 206.7 ribu orang (2019). Statistik penduduk wanita di Selangor mengikut bandar dan luar bandar adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Penduduk perempuan mengikut strata, Bandar dan Luar Bandar, Selangor, 2017-2019

(‘000)

| Negeri/Jantina/Strata | 2017 | 2018 | 2019 |
|------------------------------|-------------|-------------|-------------|
| PEREMPUAN | | | |
| JUMLAH | | | |
| Selangor | 3,051.8 | 3,102.4 | 3,151.6 |
| BANDAR | | | |
| Selangor | 2,839.2 | 2,892.7 | 2,944.9 |
| LUAR BANDAR | | | |
| Selangor | 212.6 | 209.7 | 206.7 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PROJEK PKNS

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah projek perumahan PKNS yang telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga 2018?
- b) Nyatakan syarat-syarat untuk memiliki rumah PKNS.

JAWAPAN:

- a) Jumlah projek perumahan PKNS yang telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga 2018 adalah seperti berikut :

| TAHUN | JENIS KOS RUMAH | | | JUMLAH (UNIT) |
|---------------|---------------------------|--------------|--------------|------------------|
| | RENDAH/ MAMPU MILIK | SEDERHANA | TINGGI | |
| 2008 | 107 | 432 | 262 | 801 |
| 2009 | 0 | 771 | 285 | 1,056 |
| 2010 | 180 | 1,379 | 118 | 1,677 |
| 2011 | 0 | 300 | 511 | 811 |
| 2012 | 0 | 928 | 0 | 928 |
| 2013 | 1546 | 670 | 197 | 2,413 |
| 2014 | 0 | 301 | 17 | 318 |
| 2015 | 0 | 0 | 563 | 563 |
| 2016 | 129 | 334 | 19 | 482 |
| 2017 | 278 | 150 | 0 | 428 |
| 2018 | 0 | 104 | 10 | 114 |
| JUMLAH | 2,240 | 5,369 | 1,982 | 9,591 |

b) Syarat-syarat untuk memiliki rumah PKNS terbahagi kepada 2 kategori seperti berikut :

i) Jualan Terbuka (bukan Rumah Selangorku & Kos Rendah)

- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia

ii) Permohonan Rumah Selangorku & Kedai/Industri Mampu Milik

Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) Seperti berikut :

| JENIS RUMAH | KELUASAN (kps) | HARGA JUALAN (RM) | SYARAT KELAYAKAN PENDAPATAN |
|--------------------------|----------------|--|-----------------------------|
| Rumah Selangorku Jenis A | 700 | 42,000.00 | ≤ RM3,000.00 |
| Rumah Selangorku Jenis B | 750 | 100,000.00* Hingga 250,000.00* | ≤ RM10,000.00 |
| Rumah Selangorku Jenis C | 800 | | |
| | 900 | | |
| | 18' x 60' | | |
| Rumah Selangorku Jenis D | 1,000 | *Penetapan harga tertakluk kepada kelulusan MMKN | |
| | 20' x 60' | | |

Selaras dengan itu, LPHS telah menambah baik Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Selangorku (SPPRS) dan Sistem Pendaftaran Permohonan Kedai/Industri Mampu Milik (SPPKI) serta membuat penambahan syarat-syarat pendaftaran seperti berikut :

- i) Semua permohonan yang berdaftar sebelum tahun 2008 yang belum ditawarkan rumah dan masih berminat untuk memohon Rumah Selangorku perlu mendaftar semula sebagai permohonan baru
- ii) Pemohon hanya dibenarkan membuat pilihan 1 jenis rumah sahaja sama ada jenis A, B, C atau D semasa membuat permohonan
- iii) Gaji minimum bagi permohonan Rumah Selangorku Jenis B, C dan D ditetapkan tidak melebihi RM10,000.00 sebulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA (IWB)

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Ahli Lembaga Pengarah Institut Wanita Berdaya (IWB) bagi tahun 2019.
- b) Berapakah peruntukan yang telah diberikan kepada IWB untuk tempoh 2018 - 2019?
- c) Apakah peranan IWB dalam membantu PWB di setiap DUN dan apa manfaat kepada wanita luar bandar?

JAWAPAN:

- a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor 2019 adalah seramai tujuh (7) orang seperti maklumat berikut :

| BIL. | NAMA | JAWATAN YANG DISANDANG TERKINI | JAWATAN |
|-------------|---|---|-----------------------|
| 1 | YB Puan Juwairiya Binti Zulkifli | ADUN Bukit Melawati | Pengerusi |
| 2 | YB Puan Haniza Binti Talha | Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar | Ahli Lembaga Pengarah |
| 3 | YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi | Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor & ADUN Sementa | Ahli Lembaga Pengarah |
| 4 | YB Puan Lee Kee Hiong | ADUN Kuala Kubu Bharu | Ahli Lembaga Pengarah |
| 5 | Datin Hajah Sharifah Salmah Binti Syed Agil | Ketua Srikandi PPBM Negeri Selangor | Ahli Lembaga Pengarah |

| BIL. | NAMA | JAWATAN YANG DISANDANG TERKINI | JAWATAN |
|-------------|--------------------------------------|---|-----------------------|
| 6 | Puan Rawiyah Binti Zakaria | Ahli Majlis MPKj | Ahli Lembaga Pengarah |
| 7 | Puan Siti Kamariah Binti Ahmad Subki | Ketua Pegawai Eksekutif IWB Consultancy Sdn Bhd | Ahli Lembaga Pengarah |

b) Peruntukan yang telah disalurkan dan diterima oleh IWB Selangor bagi tempoh 2018 sehingga 2019 adalah adalah seperti berikut :

- i. 2018 – RM1,724,605.00; dan
- ii. 2019 – RM1,723,444.00 (sehingga 22 Julai 2019).

c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IWB Selangor berperanan dalam membantu Pusat Wanita Berdaya (PWB) menyediakan perancangan dan pengisian modul latihan yang dijalankan oleh PWB. Tahun ini PWB telah bergerak dari latihan berasaskan kemahiran kepada latihan berasaskan pengetahuan. Modul dan senarai penceramah yang disediakan oleh IWB Selangor meliputi skop ekonomi, politik dan sosial. Wanita luar bandar mendapat pengetahuan dan dapat mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dari siri latihan PWB dalam kehidupan seharian mereka.

IWB Selangor juga menyediakan kerangka dan konsep Program Wanita Berdaya Selangor (WBS) yang bakal dilancarkan pada 21 Ogos 2019 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Program ini bersifat kursus dan projek lapangan dalam tempoh dua (2) tahun bagi memberi persediaan untuk golongan wanita mengisi kepimpinan politik dan sosial selaras dengan Matlamat 4 dalam Dasar Wanita Selangor 2017-2020 iaitu Mempercepatkan Penyertaan, Perwakilan dan Pembuatan Keputusan Dalam Kehidupan Awam dan Politik Dalam Kalangan Wanita. Penyertaan dibuka kepada Penyelia PWB dan orang awam yang berminat menambah kemahiran masing-masing. Program ini merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Kerajaan Negeri Selangor, Institut Wanita Berdaya (IWB) dan Pusat Wanita Berdaya (PWB).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PROJEK FLAT BLOK E, PJS1, PETALING JAYA

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan Blok E di tapak gantian?
- b) Butirkan kronologi kes ini.

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Majlis telah meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang bagi pembinaan 1 blok Pangsapuri (382 unit) harga bebas dan 1 blok Rumah Selangorku (249 unit) (BLOK E) kepada Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd pada 16.5.2019. Kini dalam tindakan Pentadbir Tanah Daerah Petaling bagi proses pemberimilikan tanah kerajaan yang terlibat.
- b) Kronologi Cadangan Penyelesaian Peneroka Bandar (Pembeli) Projek Pembangunan Rumah Selangorku (Blok E) Di Lot 32458 Dan Sebahagian Lot 3209 Taman Petaling Utama, Jalan PJS 1/52 Oleh Tetuan Peter Brickworks Sdn Bhd.

| BIL | TARIKH | PERKARA |
|-----|------------|--|
| 1 | 25.5.1998 | <ul style="list-style-type: none">• MBPJ meluluskan pelan tatatur bagi pembangunan 276 unit Rumah Kos Rendah di tapak Blok E kepada Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd. dan di ikuti dengan kelulusan Pelan bangunan pada tahun 2001.• Kerja-kerja pembinaan dimulakan pada tahun 2003,• Pemilik rumah sesebuah bersebelahan tapak mengemukakan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi . |
| 2 | 9.7.2004 | Perintah persetujuan ditandatangani antara Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Pembantah dan Pemaju bahawa projek ini perlu mengikut keperluan undang-undang. |
| 3 | Tahun 2005 | <ul style="list-style-type: none">• Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengklasifikasikan projek RKR Blok E sebagai projek yang tidak memerlukan Kebenaran Merancang atas kepentingan awam. |

| | | |
|---|-----------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Memutuskan untuk projek ini dibina oleh samada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) atau Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). |
| 4 | 21.7.2012 | Kerajaan Negeri mengarahkan Pentadbir Daerah Tanah Petaling merampas tanah tapak blok E bagi membolehkan projek ini diambilalih oleh kerajaan. Tindakan kemudiannya dicabar di Mahkamah Tinggi Shah Alam. |
| 5 | 15.5.2013 | Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan bahawa tanah ini kekal dibawah milik pemaju. |
| 6 | 24.5.2015 | <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) memutuskan projek ini dibina oleh pemaju dan akan dipantau oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor. • Task Force diwujudkan bagi memantau pelaksanaan projek yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Iskandar Bin Abdul Samad. |
| 7 | 13.6.2016 | <ul style="list-style-type: none"> • Pemaju memulakan kerja awalan di tapak dan Surat Tawaran membeli rumah kos rendah dikeluarkan oleh pihak pemaju sebanyak 4 kali iaitu pada 28.4.2016 13.6.2016 , 25.7.2016 dan 7.12.2016. • 97% tidak menerima tawaran dan membuat tuntutan-tuntutan kepada pemaju dan Kerajaan Negeri . |
| 8 | 20.9.2017 | <p>Mesyuarat di Pejabat EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar , pemaju menyatakan persetujuan berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> Bersetuju keluasan rumah kos rendah dinaikkan daripada 650 kp kepada 700 kp dan ; Bersetuju menanggung kos pembiayaan bank terdahulu dan mengambil kira pinjaman terdahulu bagi pembangunan di Tapak Blok F. <p>Pemaju yang akan menanggung kos kira-kira RM13.5 juta dan mencadangkan perkara berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> Menggunakan 2 bidang tanah kerajaan berjumlah 5.1 ekar untuk pembinaan tempat letak kereta dan 1 blok rumah Selangorku jenis A kepada pembeli blok E. Akan dapat mengurangkan kos daripada 13.5 juta kepada 4.7 juta. Kerugian 4.7 juta dapat ditampung sekiranya kerajaan negeri melepaskan pembekuan pembangunan oleh MBPJ. |

| | | |
|----|------------|---|
| 9 | 22.11.2017 | <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat kedua telah diadakan yang turut dihadiri oleh Y.B ADUN Taman Medan. • Pengarah Eksekutif LPHS, menyatakan pandangan : <ul style="list-style-type: none"> i. Permohonan tanah kerajaan berkeluasan keseluruhan 6.5 ekar boleh dipertimbangkan dengan syarat tanah tapak blok E asal diserahkan balik kepada kerajaan. |
| 10 | 3.1.2018 | <p>Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) memutuskan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbang dan bersetuju secara dasar akan kaedah yang telah diputuskan dalam beberapa siri mesyuarat yang telah diadakan. Walaubagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju supaya satu kajian menyeluruh perlu dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya bersama dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) terhadap permohonan tanah kerajaan oleh Tetuan Peter Brickwork Sdn Bhd untuk pembangunan Rumah Selangorku bagi menentukan keluasan dan nilai tanah yang bersesuaian dan juga mematuhi aspek perundangan supaya kepentingan Kerajaan Negeri dijaga. |
| 11 | 21.3.2018 | <p>Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) memutuskan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan secara dasar pemberimilikan tanah kerajaan Lot 32458 dan sebahagian Lot 3209 dengan bayaran premium pada kadar nominal dan Lot 32478 dengan bayaran premium mengikut kaedah Tanah Selangor (KTS) kepada Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd. Masing-masing bagi pembinaan Rumah Selangorku Jenis A dan kemudahan Tempat Letak Kereta bagi Rumah Selangorku Jenis D; • Bersetuju dengan cadangan balas pemaju untuk meminda pembinaan RUmah Selangorku Jenis D kepada Rumah Harga Bebas berharga RM300,000.00 agar pemaju dapat menampung penyelesaian untuk peneroka dan pembinaan 249 unit Rumah Selangorku Jenis A ; • Bersetuju Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd. menanggung segala kos peminayaan bank yang telah dibiayai oleh 249 orang pembeli asal Blok E serta segala kos guaman yang terlibat serta mengambil kira bayaran deposit terdahulu; • Bersetuju Tetuan Peter's Brickworks Sdn. Bhd. menawarkan Rumah Selangorku Jenis A kepada 249 orang pembeli asal |

| | | |
|----|------------|---|
| | | <p>dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL). Sekiranya mana-mana pembeli tidak mahu menerima tawaran tersebut, maka penamatan secara “<i>unilateral termination</i>” akan dibuat dan seterusnya baki-baki unit berkenaan akan dibuat tawaran terbuka melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Hartanah (SPPH) Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS);</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merobohkan rumah panjang yang dibina di atas tapak sekolah setelah Rumah Selangorku Jenis A siap dibina. Penghuni perlu berpindah keluar sama ada mereka menerima atau menolak tawaran rumah panjang yang dibina oleh Tetuan Peter’s Brickworks Sdn Bhd; dan • Bersetuju supaya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membenarkan dua (2) tapak perniagaan milik pemaju diproses untuk kelulusan pelan-pelan pembangunan. |
| 12 | 24.8.2018 | <p>Pemaju mengemukakan Permohonan Pra-Perundingan bagi Permohonan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah (Melibatkan Tanah Kerajaan) Dibawah Seksyen 197 Dan 76 Kanun Tanah Negara 1065, Serentak Dengan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 1 Blok Pangsapuri 19 Tingkat (382 Unit) Di Atas 5 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Beserta Kemudahan Penduduk Di Lot 37199 Dan Lot 32478, Jalan Pjs 1/52 Dan; 1 Blok Rumah Selangorku 16 Tingkat (249 Unit) Dengan Tempat Letak Kereta Terbuka Beserta Kemudahan Penduduk Di Lot 32458 Dan Sebahagian Lot 3209, Jalan Pjs 1/56, Petaling Utama, Pjs 1, Bandar Petaling Jaya Selatan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.</p> |
| 13 | 19.10.2018 | <p>Permohonan Kebenaran Merancang Secara Online diterima melalui Pusat Setempat Majlis.</p> |
| 14 | 22.10.2018 | <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat menimbang Permohonan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah (Melibatkan Tanah Kerajaan Dibawah Seksyen 197 Dan 76 Kanun Tanah Negara 1965, Serentak Dengan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 1 Blok Pangsapuri 20 Tingkat (382 Unit) Di Atas 5 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Beserta Kemudahan Penduduk Di Lot 37199 Dan Lot 32478, Jalan Pjs 1/52 Dan 1 Blok Rumah Selangorku 16 Tingkat (249 Unit) Dengan Tempat Letak Kereta Terbuka Beserta Kemudahan Penduduk Di Lot 32458 Dan Sebahagian Lot 3209, Jalan Pjs 1/56, Petaling Utama, Pjs 1, Bandar Petaling Jaya Selatan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Peter’s Brickworks Sdn Bhd.</p> |

| | | |
|----|-----------|---|
| 15 | 18.1.2019 | <p>Pihak Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd mencadangkan pertukaran nama pemilik tanah bagi pemberimilikan tanah-tanah kerajaan yang melibatkan Lot 32478, Lot 32458 dan Sebahagian Lot 3209 kepada Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd setelah berbincang dengan Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling dimana sekiranya tanah-tanah kerajaan ini diberikan kepada Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd proses pemberimilikan ini akan mengambil tempoh masa enam (6) ke dua belas (12) bulan manakala sekiranya tanah-tanah berkaitan diberimilik kepada Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd tempoh masa yang diperlukan hanya dua (2) ke tiga (3) bulan sahaja.</p> |
| 16 | 12.4.2019 | <p>Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) memutuskan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bersetuju cadangan perubahan nama pemilik bagi pemberimilikan tanah kerajaan Lot 32478, Lot 32458 dan sebahagian Lot 3209 daripada Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd kepada Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd. Dan perkara-perkara berikut : <ol style="list-style-type: none"> 1. Meluluskan secara dasar pemberimilikan tanah kerajaan Lot 32458 dan sebahagian Lot 3209 dengan bayaran premium pada kadar nominal dan Lot 32478 dengan bayaran premium mengikut kaedah-kaedah Tanah Selangor (Pindaan 2016) daripada Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd kepada Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd. masing-masing bagi pembinaan Rumah Selangorku Jenis A dan kemudahan Tempat Letak Kereta bagi Rumah Selangorku Jenis D; 2. Cadangan balas pemaju untuk meminda pembinaan Rumah Selangorku Jenis D kepada Rumah Harga Bebas berharga RM300,000.00 agar pemaju dapat menampung penyelesaian untuk peneroka dan pembinaan 249 unit Rumah Selangorku Jenis A ; 3. Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd. menanggung segala kos pembiayaan bank yang telah dibiayai oleh 249 orang pembeli asal Blok E serta segala kos guaman yang terlibat serta mengambil kira bayaran deposit terdahulu; 4. Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd. menawarkan Rumah Selangorku Jenis A kepada 249 orang pembeli asal dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL). Sekiranya mana-mana pembeli tidak mahu menerima tawaran tersebut, maka penamatan secara "<i>unilateral termination</i>" akan dibuat dan seterusnya baki-baki unit berkenaan akan dibuat tawaran terbuka melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Hartanah (SPPH) Lembaga Perumahan dan |

| | | |
|----|---------------|---|
| | | <p>Hartanah Selangor (LPHS);</p> <p>5. Merobohkan rumah panjang yang dibina di atas tapak sekolah setelah Rumah Selangorku Jenis A siap dibina. Penghuni perlu berpindah keluar sama ada mereka menerima atau menolak tawaran rumah panjang yang dibina oleh Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd; dan</p> <p>6. Supaya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membenarkan dua (2) tapak perniagaan milik pemaju diproses untuk kelulusan pelan-pelan pembangunan.</p> |
| 17 | 16.5.2019 | <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat menimbang dan meluluskan Permohonan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah (Melibatkan Tanah Kerajaan Dibawah Seksyen 197 Dan 76 Kanun Tanah Negara 1965, Serentak Dengan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 1 Blok Pangsapuri 20 Tingkat (382 Unit) Di Atas 5 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Beserta Kemudahan Penduduk Di Lot 37199 Dan Lot 32478, Jalan Pjs 1/52 Dan 1 Blok Rumah Selangorku 16 Tingkat (249 Unit) Dengan Tempat Letak Kereta Terbuka Beserta Kemudahan Penduduk Di Lot 32458 Dan Sebahagian Lot 3209, Jalan Pjs 1/56, Petaling Utama, Pjs 1, Bandar Petaling Jaya Selatan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Kembar Empat Sdn Bhd.</p> |
| 18 | Status Semasa | <p>Kini dalam tindakan Pentadbir Tanah Daerah Petaling bagi proses pemberimilikan tanah kerajaan yang terlibat.</p> |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : STATUS TANAH DI BUKIT JUGRA

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak berkuasa tempatan tentang pencerobohan dan penyalahgunaan status tanah di Bukit Jugra?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Langat mendapati tanah tersebut adalah berstatus tanah hakmilik dan tiada kategori khusus kegunaan tanah serta syarat nyata tanah. Pemantauan lanjut mendapati tuan tanah telah menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri dan pentadbiran ini telah mengeluarkan Notis Mengenai Siasatan di bawah Seksyen 27 Kanun Tanah Negara bertarikh 12 Julai 2019. Sekiranya pentadbiran ini mendapati terdapat pelanggaran syarat tanah, tindakan lanjut akan dikenakan di bawah Seksyen 128 atau Seksyen 129 Kanun Tanah Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PRESTASI EKONOMI NEGERI

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi ekonomi Selangor untuk suku tahun pertama tahun 2019 berbanding tahun 2018?

- b) Apakah langkah yang diambil untuk memacu prestasi ekonomi Negeri Selangor tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan prestasi ekonomi pada tahun 2017 oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada kadar 7.1 peratus. Negeri Selangor juga tergolong dalam kelompok negeri dengan sumbangan yang meningkat saban tahun kepada ekonomi Malaysia. Sumbangan Selangor kepada ekonomi nasional ialah sebanyak 21.6 peratus pada tahun 2010 menokok kepada 22.4 peratus pada tahun 2014 dan terus mengukuh kepada 23.0 peratus pada tahun 2017. Untuk tahun 2018 dan 2019 prestasi ekonomi Selangor masih belum diumumkan, namun Kerajaan Negeri optimis Negeri Selangor akan mencatatkan angka yang memberangsangkan dan kekal menjadi penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nasional.

- b) Untuk makluman YB, antara inisiatif baru yang telah diperkenalkan bagi memacu prestasi ekonomi Negeri Selangor di tahun 2019 adalah Klusterisasi Negeri Selangor. Sebanyak sepuluh (10) gugusan atau klusterisasi telah dikenalpasti berteraskan kepada potensi sedia ada di daerah-daerah Negeri Selangor bagi menjana pertumbuhan ekonomi setempat yang berkualiti dan seterusnya turut menjana pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan. Berdasarkan potensi sedia ada di daerah-daerah, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah dalam menyatukan (reconciliation) kekuatan-kekuatan kawasan supaya daerah-daerah tersebut dapat diberi nilai tambah (value added) dan akhirnya dapat diterjemahkan kepada *Smart State* menjelang tahun 2025. Pelaksanaan klusterisasi ini juga dijangka mampu untuk meningkatkan daya saing Negeri Selangor di peringkat

nasional dan global bagi menarik pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada sektor Pertanian dan Industri Asas Tani memandangkan pertanian merupakan sektor yang penting dalam menjamin bekalan makanan atau *food security* rakyat Negeri Selangor. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2017 adalah sebanyak 1.5% dengan nilai sebanyak RM3.98 bilion. Dijangkakan pada tahun 2026, KDNK Pertanian Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada RM6 bilion. Peningkatan ini akan disokong oleh pengeluaran hasil produk-produk pertanian yang berteraskan penggunaan teknologi-teknologi moden. Selain itu, penekanan terhadap prinsip *Precision Agriculture* termasuk *Good Agriculture Practices (GAP)* serta pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu dengan penanaman produk pertanian bernilai tinggi (High Value Agriculture Products) akan turut diberikan.

Sebagai contoh projek penanaman Golden Melon di Selangor Fruit Valley seluas 3 ekar yang sedang dalam penyediaan tapak dan akan bermula tahun ini di mana tempoh pengeluaran hasil akan mula diperolehi dalam tempoh 3 bulan. Pengeluaran hasil dijangka bernilai RM150,000 per tuaian dengan harga jualan di pasaran sebanyak RM10-12 per kg. Dengan tempoh yang singkat, dengan keluasan yang minima, namun hasil yang bakal diperolehi oleh pengusaha boleh mencecah sehingga RM600,000.00 setahun nilai jualan. Oleh yang demikian, saya percaya sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah ianya boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan mengurangkan kebergantungan kepada bidang pekerjaan yang semakin mengecil khusus kepada generasi muda.

Selangor juga merancang untuk menarik pelaburan asing dan domestik bernilai tinggi dan mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu destinasi pelaburan utama dengan menjalankan lebih banyak aktiviti promosi pelaburan bersasar dan menarik pelaburan baru dalam bidang penyelidikan (R&D) dan inovasi untuk menaiki rantai nilai serta mewujudkan peluang pekerjaan berasas pengetahuan. Selain itu, Kerajaan Negeri menggalakkan pembangunan ekonomi di luar Lembah Klang dengan meningkatkan pelaburan untuk projek perkilangan di kawasan-kawasan tersebut. Pembangunan sektor perkilangan yang lebih menyeluruh mengikut klusterisasi industri akan mendorong proses urbanisasi di kawasan luar Lembah Klang.

Kerajaan Negeri juga menggalakkan transformasi digital, inovasi dan R&D dengan:

- Menggalakkan adopsi teknologi baru dan menarik pelaburan dari Industri 4.0, inovasi dan R&D untuk menaiki rantaian nilai serta mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti dan bernilai tinggi;
- Menggalakkan dan menyokong syarikat-syarikat berpotensi dan sedia ada untuk memodenisasikan perniagaan supaya terus relevan dalam pasaran perniagaan yang sentiasa berubah; dan
- Meningkatkan daya saing Selangor sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau Asia.

Kerajaan Negeri komited untuk mempromosikan pelaburan berkualiti untuk menerajui pertumbuhan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, kerjasama yang berterusan dengan Kerajaan Persekutuan adalah penting untuk memastikan persekitaran pelaburan yang optimum untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : ISU KEBAKARAN AKIBAT LITAR PINTAS

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kes kebakaran yang berlaku mengikut daerah, kes kematian dan puncanya?
- b) Apakah usaha bagi mengatasi masalah tersebut khususnya kes litar pintas?
- c) Apakah garis panduan dan kekerapan pemeriksaan berkala dilakukan oleh pihak berwajib terhadap kilang-kilang memproses produk beracun dan gas-gas merbahaya?

JAWAPAN:

- c) Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan berkala terhadap premis-premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan tindakan akan diambil berdasarkan kepada peruntukkan yang sedia ada dalam Akta berkenaan dan Prosedut Tetap Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini. Kekerapan pemeriksaan berkala adalah berdasarkan kepada perancangan di awal tahun dan kekerapan tersebut akan ditambah berdasarkan kepada keperluan contohnya operasi penguatkuasaan bersepadu, aduan yang diterima, kes-kes berulang dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN PLB/JKR DI KAMPUNG-KAMPUNG

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang meningkatkan kekerapan penyelenggaraan jalan-jalan dan longkang bagi jalan-jalan kampung PLB dan JKR daripada 2 kali setahun kepada sekurang-kurangnya 4 kali setahun?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada Kontrak Jangka Panjang penyelenggaraan Jalan Negeri sedia ada, pusingan penyelenggaraan longkang untuk **Secondary Road dan Minor Road di bawah JKR** masih dikekalkan kepada 2 kali setahun. Walau bagaimanapun, pihak konsesi akan diarah untuk melaksanakan pusingan penyelenggaraan tambahan sekiranya terdapat keperluan mendesak di sesebuah lokasi, misalnya untuk mengatasi masalah banjir.

Anggaran kos tahunan semasa bagi penyelenggaraan longkang adalah RM 1200.00 / km / tahun.

Keperluan pusingan penyelenggaraan longkang **Secondary Road dan Minor Road di bawah JKR** dari 2 kali kepada 4 kali setahun akan diteliti dan diberi pertimbangan di dalam kontrak penyelenggaraan yang akan datang dan akan melibatkan peningkatan kos kepada kerajaan.

- ❖ **Anggaran Kos Bulanan Penyelenggaraan Longkang
= RM 100.00 / Kilometer**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : STATUS PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang masih diteruskan, disejajarkan dan dikaji semula selain yang ditamatkan?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan terkini bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018?

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada:

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang) – soalan 47

- a) Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela serta memenuhi wawasan '*shared prosperity*'.

Sukacita dimaklumkan di sini, program IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya kerajaan akan berusaha untuk memberdayakan rakyat sebagai matlamat akhir kerajaan.

Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan (*empowerment*) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor, mengorak langkah ke suatu paradigma yang baharu sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan Persidangan Pengendali Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) pada Februari 2019. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama yang menjadikan jumlah program IPR terkini adalah sebanyak 33 program iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 18 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 15 Program IPR); dan
 - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR).

(Keterangan lanjut seperti lampiran I)

- b) Secara keseluruhannya, jumlah dana yang diperuntukkan untuk setiap program IPR pada tahun 2018 dan 2019 di bawah Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Tahun 2018 – **RM544,956,193.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Empat Puluh Empat Juta Sembilan Ratus Lima Puluh Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Tiga); dan

Tahun 2019 - **RM485,435,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lapan Puluh Lima Juta Empat Ratus Tiga Puluh Lima Ribu).

Peruntukan ini adalah termasuk dengan peruntukan tambahan bagi tahun 2019 iaitu sebanyak **RM123,815,000.00** (Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh Tiga Juta Lapan Ratus Lima Belas Ribu).

Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan peruntukan bagi program IPR tahun 2018 dan 2019 adalah sebanyak **RM1,030,391,193.00** (Ringgit Malaysia 1 Bilion Tiga Puluh Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Tiga).

(Keterangan lanjut seperti lampiran II).

- c) Jumlah penggunaan wang yang telah dibelanjakan dalam program-program IPR dari tahun 2017 – 2019 adalah seperti berikut:

Tahun 2017 – **RM262,942,580.63** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Enam Puluh Dua Juta Sembilan Ratus Empat Puluh Dua Ribu Lima Ratus Lapan Puluh dan Enam Puluh Tiga Sen);

Tahun 2018 – **RM354,361,365.59** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh Empat Juta Tiga Ratus Enam Puluh Satu Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Lima dan Lima Puluh Sembilan Sen); dan

Tahun 2019 – **RM161,793,609.33** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Satu Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu Enam Ratus Sembilan dan Tiga Puluh Tiga Sen). (Perbelanjaan ini adalah setakat 30 Jun 2019).

Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan perbelanjaan peruntukan bagi program IPR dari tahun 2017 hingga 2019 adalah sebanyak **RM779,097,555.55** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Tujuh Puluh Sembilan Juta Sembilan Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus Lima Puluh Lima dan Lima Puluh Lima Sen).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KEGAGALAN CERUN

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kawasan yang mempunyai masalah cerun runtuh.

- b) Apakah tindakan Kerajaan negeri untuk mengurangkan kegagalan cerun?

JAWAPAN:

- a) Kawasan yang mempunyai masalah cerun adalah seperti di daerah Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat. Masalah cerun sering berlaku disebabkan hakisan di cerun akibat aktiviti perladangan dan pertanian serta pemaju haram di atas cerun selain pembentung tepi jalan yang tidak boleh menampung kapasiti air yang tinggi semasa musim hujan lebat.

- b) Bagi mengurangkan kegagalan cerun, tindakan sedia ada hanyalah dengan memastikan longkang di tepi jalan, pemotongan rumput dikawasan cerun diselenggara dengan baik (First Berm). Tindakan di peringkat Persekutuan pulayang melibatkan cerun di jalan persekutuan, *Quantitative Risk Hazard Assessment* (QRA) telah dilakukan untuk mengenalpasti lokasi cerun-cerun yang berisiko tinggi untuk kearah tindakan pencegahan (Preventive work) selain hanya kerja-kerja pembaikan cerun (corrective work) yang telah dijalankan sebelum ini. Akan dicadangkan supaya lokasi cerun yang kritikal dibawah jalan negeri mengikut pendekatan yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima Skim Peduli Sihat selepas kemaskini dilaksanakan.
- b) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut?

JAWAPAN:

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no. 30 dari YB Pandamaran, no.78 dari YB Sungai Pelek, soalan no.84 dari YB Bukit Lanjan, soalan no.80 dari YB Sungai Air Tawar, soalan no.163 dari YB Pelabuhan Kelang dan soalan no.168 dari YB Sungai Panjang.

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;
- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;

- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

| Bil | Kategori Pengundi | Penerima Per DN |
|-----|--------------------|-----------------|
| 1 | Pengundi Bawah 30K | 700 |
| 2 | Pengundi 30K-45K | 1,021 |
| 3 | Pengundi 45K-60K | 1,381 |
| 4 | Pengundi Atas 60K | 1,690 |

YB Bukit Lajan bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

YB Pandamaran dan YB Pelabuan Klang telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penjajaran adalah seperti jadual di bawah:

| DUN | JUMLAH AHLI AKTIF | DUN | JUMLAH AHLI AKTIF | DUN | JUMLAH AHLI AKTIF |
|-----|-------------------|-----|-------------------|-----|-------------------|
| N01 | 700 | N20 | 1,296 | N39 | 1,377 |
| N02 | 703 | N21 | 694 | N40 | 1,107 |
| N03 | 1,021 | N22 | 752 | N41 | 1,382 |
| N04 | 701 | N23 | 1,153 | N42 | 1,021 |
| N05 | 700 | N24 | 1,379 | N43 | 1,014 |
| N06 | 699 | N25 | 1,680 | N44 | 566 |
| N07 | 1,381 | N26 | 1,375 | N45 | 1,360 |
| N08 | 705 | N27 | 699 | N46 | 1,015 |
| N09 | 700 | N28 | 1,023 | N47 | 1,375 |
| N10 | 826 | N29 | 1,353 | N48 | 819 |
| N11 | 701 | N30 | 1,646 | N49 | 1,369 |
| N12 | 725 | N31 | 726 | N50 | 1,097 |
| N13 | 704 | N32 | 1,374 | N51 | 1,018 |
| N14 | 1,430 | N33 | 1,035 | N52 | 1,018 |
| N15 | 941 | N34 | 450 | N53 | 1,014 |
| N16 | 1,014 | N35 | 362 | N54 | 698 |
| N17 | 790 | N36 | 294 | N55 | 1,392 |
| N18 | 1,154 | N37 | 864 | N56 | 704 |
| N19 | 1,101 | N38 | 1,019 | | |

YB Sungai Air Tawar meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penjajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

| BANGSA | JUMLAH AHLI | PERATUSAN (%) |
|------------|---------------|----------------|
| MELAYU | 26,385 | 47.73% |
| CINA | 11,237 | 20.33% |
| INDIA | 17,059 | 30.86% |
| ORANG ASLI | 212 | 0.38% |
| LAIN-LAIN | 384 | 0.69% |
| | 55,277 | 100.00% |

YB Pelabuhan Kelang, YB Bandar Utama dan YB Sungai Panjang bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Peruntukan (RM) | Peruntukan Tambahan (RM) | Jumlah Perbelanjaan (RM) |
|---------------|-------------------------------|---------------------------------|---------------------------------|
| 2017 | 125,000,000.00 | - | 11,330,122.50 |
| 2018 | 20,000,000.00 | 21,490,289.00 | 41,490,289.00 |
| 2019* | 10,000,000.00 | 10,000,000.00 | 20,000,000.00 |
| JUMLAH | | | 72,820,411.50 |

*sehingga 14 Julai 2019

YB Pelabuhan Klang dan YB Sungai Pelek bertanyakan tentang panel pemilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

YB Kuala Kubu Baru bertanyakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanyakan tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : MASALAH KILANG HARAM DI MERU

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kilang haram yang terdapat di dalam DUN Meru?
- b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kilang haram ini?
- c) Berapakah kilang haram di Meru yang telah diputihkan setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sebanyak 85 buah kilang haram (78 lot) di kawasan DUN Meru.
- b) Tindakan penguatkuasaan diambil di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007.
- c) Sebanyak 47 buah kilang haram telah diputihkan (telah memohon Kebenaran Merancang).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : GOLONGAN MISKIN BANDAR DAN IBU TUNGGAL

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini keluarga miskin bandar dan ibu tunggal yang ada di Selangor.

- b) Nyatakan program yang dapat membantu golongan ini untuk menaiktaraf kehidupan mereka.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan program dan inisiatif dalam usaha mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan. Penurunan insiden kemiskinan di Negeri Selangor adalah sebanyak 0.2%, iaitu daripada 0.2% pada tahun 2014 kepada 0.0% pada tahun 2016. Untuk makluman, Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ini adalah dilakukan secara survey yang bertujuan untuk melihat purata pendapatan sosio ekonomi rakyat Malaysia dan bukannya untuk melihat statistik keluarga miskin secara menyeluruh.

Manakala berhubung statistik terkini ibu tunggal yang ada di Negeri Selangor pula, sehingga 17 Julai 2019, pihak Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah merekodkan pendaftaran seramai 18,974 orang ibu tunggal di bawah Sistem Pendaftaran Ibu Tunggal.

- b) Sehubungan dengan itu, dalam membantu menaiktaraf kehidupan rakyat Negeri Selangor, Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dilihat sebagai satu agenda yang memberi manfaat kepada golongan miskin bandar dan juga golongan miskin luar bandar

yang meliputi keseluruhan lapisan masyarakat termasuklah ibu tunggal. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti seperti Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) dan program-program kemahiran yang dilaksanakan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) seluruh Selangor meliputi penyertaan dari pelbagai golongan wanita.

Semua agenda dan inisiatif Kerajaan Negeri ini telah memperlihatkan keberkesanan yang positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik dan amat mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan daripada masyarakat bagi membantu golongan miskin bandar mahupun ibu tunggal untuk keluar dari kitaran kemiskinan.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ini adalah merupakan laporan terkini yang menjadi rujukan. Ianya dikeluarkan pada setiap lima (5) tahun sebanyak dua (2) kali. Oleh yang demikian, data untuk tahun 2016 sehingga 2020 dijadualkan akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020.

Oleh yang demikian, untuk mengetahui statistik golongan miskin atau miskin tegar, sistem e-Kasih merupakan method yang tepat untuk digunakan sebagai rujukan. Ini kerana sistem eKasih mengandungi profil lengkap golongan miskin dan miskin tegar seperti maklumat asas isi rumah, kediaman, pendidikan, kesihatan dan jenis bantuan yang diterima daripada pelbagai Agensi Kerajaan termasuk projek atau program ekonomi serta maklumat lain yang berkaitan.

(Sumber : Kementerian Hal Ehwal Ekonomi & Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : BEKALAN IKAN

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tangkapan ikan yang didaratkan di jeti Negeri Selangor dan adakah ianya mencukupi bagi memenuhi permintaan?

- b) Apakah terdapat kaedah terkini bagi meningkatkan bekalan ikan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pendaratan ikan di seluruh Negeri Selangor yang telah diisytihar oleh nelayan melalui Sistem e-Pengisytiharan Pendaratan Ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi tahun 2018 adalah sebanyak 80,707,004.09 kg. Manakala hasil pendaratan ikan bagi bulan Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak 36,874,634.39 kg.

Bekalan ikan yang didaratkan adalah mencukupi dan memenuhi permintaan penduduk setempat. Walaubagaimanapun, memandangkan kepadatan penduduk yang tinggi, bekalan ikan turut disokong oleh kemasukan ikan dari luar melalui pasar-pasar borong yang ada di Negeri Selangor.

- b) Kaedah yang boleh meningkatkan bekalan ikan adalah melalui Projek Ternakan Ikan (Akuakultur) serta melalui Pembinaan Tukun Tiruan dan Unjam untuk dijadikan tapak pembiakan dan habitat pelbagai jenis ikan yang kebanyakannya diuruskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Jumlah tangkapan ikan yang didaratkan di jeti Negeri

Selangor untuk tahun 2016 sehingga 2018 di Negeri Selangor :

| Daerah | Tahun | | | Jumlah (tm) |
|--------|-----------|-----------|-----------|-------------|
| | 2016 | 2017 | 2018 | |
| Klang | 27,364.60 | 24,161.69 | 54,859.07 | 106,385.36 |

| | | | | |
|-------------------------|------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Kuala Langat | 3,815.44 | 2,613.98 | 3,814.46 | 10,243.87 |
| Kuala Selangor | 20,201.73 | 25,538.65 | 22,576.80 | 68,317.17 |
| Sabak Bernam | 42,077.96 | 72,605.34 | 82,618.51 | 197,301.81 |
| Sepang | 0.00 | 597.62 | 441.44 | 1,039.06 |
| Keseluruhan (tm) | 93,459.73 | 125,517.28 | 164,310.28 | 383,287.28 |

- ii- Peningkatan penduduk di Negeri Selangor menyebabkan permintaan kepada bekalan ikan meningkat. Walaupun terdapat peningkatan jumlah pendaratan ikan oleh nelayan di negeri ini namun permintaan yang sentiasa tinggi menyebabkan bekalan ikan tidak mencukupi dan bekalan perlu di bawa masuk dari negeri-negeri berdekatan.

SISIPAN TAMBAHAN

Berikut data import ikan makan yang telah direkod oleh Pusat Perikanan Biosekuriti Selangor, KLIA :

| BIL | TAHUN | JENIS IKAN | KUANTITI (kg) |
|------------|--------------|-------------------|----------------------|
| 1. | 2018 | Ketutu | 288,933.27 |
| 2. | | Ikan Sebelah | 6,393.00 |
| 3. | | Stone Fish | 76.50 |
| 4. | | Kelah | 545.00 |
| 5. | | Ikan Belanak | 409.60 |
| 6. | | Jade Perch | 5,862.00 |
| 7. | | Baung | 300,058.00 |
| 8. | | Kerapu | 2,433.00 |
| 9. | | Siakap Putih | 240,000.00 |
| 10. | | Puyu | 28.00 |
| 11. | | Kap Rumput | 30.00 |
| 12. | | Belut | 45.00 |

Purata penggunaan ikan marin per kapita bagi 32 juta rakyat Malaysia ialah 61.8 kg per orang setahun (Sumber : Laporan Risikan Pasaran Tahunan 2017 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia)

Terdapat beberapa kaedah terkini bagi meningkatkan bekalan ikan terutamanya Negeri Selangor antaranya adalah :

i- Sumber Perikanan Marin

Pihak jabatan mengambil inisiatif untuk meningkatkan sumber perikanan dengan cara menjalankan program melabuh tukun di sekitar daerah Negeri Selangor. Pada tahun 2018 pihak jabatan telah melabuh tukun di sekitar perairan Kuala Langat dan pada tahun ini (2019) satu lagi tukun akan di labuhkan disekitar perairan Kuala Langat di lokasi yang *berbeza*.

ii- Ternakan Ikan Akuakultur

Selain nelayan, penternak akuakultur juga antara penyumbang terbesar kepada peningkatan sumber bekalan ikan terutamanya di Negeri Selangor. Antara kaedah-kaedah yang dijalankan bagi meningkatkan bekalan ikan di Negeri Selangor dengan kaedah memberi bantuan makanan dan benih ikan yang berkualiti kepada penternak, bantuan peralatan akuakultur, mewujudkan kawasan lot kebun kerang di sekitar perairan Klang, Kuala Selangor dan juga Sabak Bernam.

Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia menggalakkan usahawan penternak untuk terlibat dalam ternakan ikan akuakultur seperti ternakan ikan dalam sangkar dan kolam sebagai salah satu langkah meningkatkan sumber bekalan ikan dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber ikan marin. Sebagai galakan bantuan akuakultur telah diberikan kepada penternak yang layak seperti bantuan benih ikan, bantuan peralatan, bantuan makanan ikan dan khidmat nasihat.

iii- Bantuan Peralatan

Bantuan peralatan kepada nelayan khususnya juga merupakan cara dan kaedah jabatan untuk meningkatkan hasil tangkapan kepada nelayan. Antara peralatan yang diberi kepada nelayan pada tahun 2018 adalah peralatan jaring, tong insulasi, GPS dan peralatan keselamatan. Pihak jabatan berharap bantuan-bantuan yang diberi kepada para nelayan dapat membantu menambah ekonomi nelayan seterusnya dapat meningkatkan bekalan ikan kepada pengguna.

Bagi sektor akuakultur, bantuan peralatan akuakultur turut diberi kepada penternak seperti contoh pam air, tangki, blower, bahan binaan untuk projek-projek akuakultur selain itu benih ikan dan makanan ikan juga turut diberi untuk menggalakkan penternak meningkatkan lagi hasil ternakan ikan akuakultur terutamanya di Negeri Selangor.

iv- Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Perikanan

Program pelepasan benih ikan di sungai-sungai sekitar Negeri Selangor juga antara program-program yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Selangor untuk membantu menambah sumber perikanan di Negeri Selangor.

Program menanam pokok bakau juga salah satu usaha Jabatan

Perikanan Negeri Selangor dalam menambahkan sumber perikanan marin dan juga kaedah untuk memulihara habitat perikanan terutama dikawasan konservasi perikanan marin. Program ini dijalankan setahun sekali di lokasi yang berbeza dan juga faktor semulajadi kawasan penanaman pokok bakau tersebut. Selain Jabatan Perikanan Negeri Selangor, pihak jabatan juga mengalu-alukan penglibatan agensi-agensi luar dan juga pihak berkuasa tempatan serta institut pengajian tinggi untuk terlibat sama dalam melastarikan kehidupan marin agar kekal terpelihara untuk generasi akan datang.

Selain juga pihak jabatan juga komited dalam melaksanakan penguatkuasaan di perairan negara dan juga menangani isu diantara nelayan tradisi dan nelayan komersil. Selain daripada menangani isu tersebut pihak jabatan perikanan komited dalam menangani isu peralatan yang tidak dilesekan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sepertimana termaktub dalam Akta Perikanan 1985 iaitu peralatan jenis bubu naga, belat, pukak sorong dan juga mata keroncong pukak kurang daripada 35mm. (*Sumber daripada : Buku Dasar Pelesenan, Jabatan Perikanan Malaysia*)

SISIPAN TAMBAHAN

Berikut merupakan antara bantuan peralatan perikanan kepada nelayan pada tahun 2018 :

i- Nelayan

| BANTUAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018 | | |
|--|--|-------------------|
| BIL | JENIS BANTUAN | KUANTITI |
| 1. | Jaring Udang Tiga Lapis – 1 ½ Inchi | 1,200 Unit |
| 2. | Jaring Ikan Senangin – 2 ¾ Inchi | 630 Unit |
| 3. | Jaring Ikan Senangin – 4 Inchi | 1,520 Unit |
| 4. | Jaring Ikan Bawal | 76 Unit |
| JUMLAH | | 3,426 Unit |
| BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018 | | |
| BIL | JENIS BANTUAN | KUANTITI |
| 1. | Tong Insulasi 100 Liter – untuk nelayan zon A | 395 Unit |
| 2. | Tong Insulasi 35 Liter – untuk nelayan darat yang aktif sahaja | 93 Unit |

ii- Penternak Akuakultur

| BANTUAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018 | | |
|--|--|-----------------|
| BIL | JENIS BANTUAN | KUANTITI |
| 1. | Makanan Ikan Air Tawar | 282 beg |
| 2. | Makanan Ikan Hiasan | 3 beg |
| 3. | Peralatan Akuakultur – Generator | 5 unit |
| 4. | Peralatan Akuakultur – Blower | 14 unit |
| 5. | Peralatan Akuakultur – Pam | 13 unit |
| 6. | Peralatan Akuakultur – Submersible Pam | 7 unit |
| 7. | Bahan Binaan untuk Projek Akuakultur <ul style="list-style-type: none"> • Simen – 133 beg • Batu Konkrit – 23 lori • Pasir – 7 lori • Pagar Dawai – 15 roll | L/S |
| 8. | Tangki | 52 unit |
| BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018 | | |
| BIL | JENIS BANTUAN | KUANTITI |
| 1. | Bahan Binaan untuk Projek Akuakultur <ul style="list-style-type: none"> • Simen – 270 beg • Tiang – 75 unit • Pintu Pagar 10' X 5' – 1 unit • Pintu Pagar 3' X 5' – 1 unit • Rak Barang-Barang 2' X 4' X 8' (3 tingkat) – 3 set • Tirai Kayu 8' X 7' | L/S |

SISIPAN TAMBAHAN

Berikut program pelepasan benih yang telah dijalankan di Negeri Selangor dari tahun 2018 sehingga Jun 2019 :

| Bil | Tahun | Bilangan Program Pelepasan Benih Ikan di Sekitar Negeri Selangor (kali) | Kuantiti (ekor) Pelepasan Benih Ikan |
|---------------|--------------|--|---|
| 1. | 2018 | 14 kali | 303,050 ekor |
| 2. | 2019 (Jun) | 8 kali | 52,250 ekor |
| JUMLAH | | 22 kali | 355,300 ekor |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : SELANGOR TEEN VOLUNTEERS

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan program "Selangor Teen Volunteers" yang telah dijalankan sejak Januari 2019 dan apakah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program tersebut?
- b) Berapa bilangan belia yang terlibat dengan program ini?
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendaftaran peserta?

JAWAPAN:

- a) Program Selangor Kids Volunteerism yang telah dilancarkan pada 28 Ogos 2016 merupakan satu platform bagi menanam kesedaran sifat tolong-menolong serta prihatin kepada masyarakat sekeliling selain mencungkil potensi diri kanak-kanak agar dapat membina keyakinan dan membentuk keperibadian yang mulia dalam kalangan kanak-kanak di Selangor. Objektif program adalah:
 - i. meningkatkan kesedaran kanak-kanak berkaitan amalan dan nilai murni bagi membentuk peribadi seimbang;
 - ii. memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyertai, menyumbang idea dan bagi bagi peningkatan potensi diri;
 - iii. menanam sifat tanggungjawab, prihatin dan rasa ingin menolong terhadap masyarakat tanpa mengharapkan balasan;
 - iv. memberi galakan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan pandangan secara bertanggungjawab dan beretika bagi merangka program demi kepentingan kanak-kanak.

- b) Sehingga Jun 2019, JKMN Selangor telah mendaftarkan sejumlah 389 orang kanak-kanak sebagai sukarelawan kanak-kanak atau dikenali sebagai *Selangor Teen Volunteer* (STV).
- c) Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menumpukan usaha dan peruntukan bagi mewujudkan suatu aplikasi khas di mana seorang sukarelawan dapat mengumpulkan jam kredit (*credit hours*) aktiviti kesukarelawanan masing-masing.

Sistem pengumpulan jam kredit ini akan lebih menggalakkan setiap individu termasuk kanak-kanak dalam aktiviti kesukarelawanan di negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor telah memulakan usaha pembangunan sistem ini dan ia dijangka akan dilancarkan pada bulan Oktober 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : SIDANG DUN BELIA

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan sidang DUN belia di Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEWARTAAN SUNGAI-SUNGAI DI SELANGOR

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini sungai-sungai di Selangor, adakah telah diwartakan?
- b) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri bagi masa depan pewartaan sungai-sungai di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Di Negeri Selangor terdapat 7 buah lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Bernam, Lembangan Sungai Buloh, Lembangan Sungai Tenggi, Lembangan Sungai Sepang dan Pulau-pulau. Di dalam lembangan-lembangan sungai dan pulau-pulau ini terdapat 1025 cabang sungai di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mewartakan Lembangan Sungai Klang iaitu Sungai Klang dan cabang-cabangnya yang melibatkan 90 batang sungai di bawah subperenggan 13(i)(ii)(a) KTN 1965.

- b) Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk mewartakan semua sungai-sungai di Negeri Selangor tetapi masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kos perbelanjaan bagi proses pewartaan adalah sangat tinggi. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui pihak LUAS telah mengambil inisiatif mewartakan 1025 batang sungai-sungai di Selangor di bawah seksyen 48 Enakmen LUAS 1999 sebagai Kawasan Zon Perlindungan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN LEBIH KEPADA UNISEL - 19 TAHUN BEROPERASI DAN
7 NAIB CANSOLOR - KINI STABIL TANPA PERGOLAKAN**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk memberi peruntukan lebih agar Naib Canselor sekarang dapat melonjakkan status dan posisi universiti terulung di negara ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan kualiti Pendidikan di Negeri Selangor khususnya kepada institusi pendidikan di bawah kerajaan negeri seperti UNISEL. Oleh itu, dari tahun 2016 hingga kini sejumlah RM40 juta telah diperuntukan untuk pembangunan infrastruktur UNISEL bagi memastikan kemudahan fasiliti yang lebih baik dan kondusif dapat disediakan. Selain itu, turut diberikan ialah dalam bentuk penajaan dan pembiayaan pendidikan untuk pelajar-pelajar yang bekelayakan yang menuntut di UNISEL oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakan lepasan sekolah untuk melanjut pengajian di UNISEL.

Oleh itu, UNISEL juga harus mengambil inisiatif dalam usaha untuk melonjakkan status dan posisi universiti terulung dengan mengadakan kerjasama strategik (*smart partnership*) dengan industri melalui program tanggungjawab sosial bagi memastikan keboleh pasaran dan seterusnya memupuk minat lepasan sekolah untuk melanjutkan pengajian di UNISEL. Melalui pendekatan tersebut ia dapat meningkatkan pendapat kewangan UNISEL dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan negeri.

Kerajaan Negeri Selangor juga akan meneliti keperluan UNISEL dan menyediakan peruntukan ke arah universiti terbaik dunia, namun ia mestilah berdasarkan kepada kemampuan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENCEMARAN BUNYI

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor untuk mengatasi masalah pencemaran bunyi yang amat teruk di Jalan USJ2/3?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah melaksanakan program pemantauan pengawasan bunyi bising dilokasi yang diadu pada 9 Julai 2019. Berdasarkan cerapan data semasa pemantauan tersebut mendapati paras bunyi bising tidak mematuhi paras bunyi bising sebagaimana yang ditetapkan di dalam Syarat Kelulusan Laporan Kesan Penilaian Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang telah dikeluarkan kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Sehubungan dengan itu, JAS telah mengeluarkan Notis Arahan pada 19 Julai 2019 kepada pihak LLM / Pengandali lebuhraya KESAS bagi melaksanakan langkah kawalan bunyi bising seperti 'noise barrier' di sempadan lebuhraya dengan perumahan di Jalan USJ2/3, Subang Jaya supaya tidak mengganggu penduduk berhampiran.

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah membekalkan pokok bagi program penanaman pokok bersama Jawatan Kuasa Penduduk (JKP) Zon 4 pada tahun 2018. Pokok yang ditanam adalah Bucida spp.

Pokok Bucida spp.



